

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 MEI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Dasar ekonomi Malaysia yang jelas tarik pelabur luar

Dasar ekonomi Malaysia yang jelas tarik pelabur luar

KUALA LUMPUR - Kestabilan politik dan dasar ekonomi yang jelas dan meyakinkan telah menarik pelaburan ke dalam pelbagai sektor ekonomi yang lebih rancak pada suku pertama 2023, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan yang diluluskan bagi suku pertama 2023 adalah berjumlah RM71.4 bilion iaitu peningkatan 60 peratus daripada suku pertama 2022 yang mencatatkan RM44.7 bilion.

"Saya rasa kestabilan politik itu sesuatu yang meyakinkan sehinggakan pelaburan le-

bih rancak sekarang dari dulu. (Apa) yang penting bukan sekadar pengumuman dan Memorandum Persefahaman (MoU) tetapi pelaksanaannya.

"Ini sepertimana pelaburan daripada Tesla dalam kenderaan elektrik (EV), Amazon Web Services (AWS) bernilai RM25.5 bilion menjelang tahun 2037, Rongsheng Petro Chemical dan Geely sebagai permulaan," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut)** dan **Lim Guan Eng (PH-Bagan)** mengenai keyakinan pelabur dan

dasar ekonomi utama Malaysia.

Anwar berkata, jika dasar ekonomi negara mengelirukan, maka pertumbuhan Malaysia tidak akan dapat mengatasi pertumbuhan Indonesia, Vietnam dan China.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku pertama 2023, lebih baik berbanding negara serantau seperti Indonesia (5.0 peratus), China (4.5 peratus) dan Vietnam (3.3 peratus).

Pertumbuhan itu juga adalah lebih kukuh berbanding unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) untuk 2023 iaitu 4.0 peratus hingga 5.0 peratus, katanya. - *Bernama*